

10/09/2002

Suruhanjaya siasat dakwaan gadis Filipina dirogol

SURUHANJAYA Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) sedia menyasat dakwaan seorang gadis warga Filipina berusia 13 tahun dirogol di pusat tahanan sementara di Sabah.

Pengerusinya, Tan Sri Abu Talib Othman, berkata malah dakwaan gadis itu akan dibincangkan dalam mesyuarat bulanan Suhakam bulan depan bagi mendapat persetujuan semua ahlinya bagi memulakan siasatan.

Katanya, Suhakam berhak menyasat dakwaan itu walaupun tidak diminta mana-mana pihak kerana sebagai badan bebas, ia berperanan memastikan tiada pencabulan hak asasi manusia dilakukan di negara ini.

"Walaupun belum menerima maklumat lengkap mengenai kejadian itu, Suhakam sedia menyasat bagi memastikan tiada pencabulan hak asasi manusia di kem tahanan sementara berkenaan.

"Bagaimanapun Suhakam perlu mendapatkan maklumat lanjut berhubung dakwaan itu dulu bagi memastikan siasatan yang adil dapat dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas perasmian Persidangan Hak Asasi Manusia dan Pendidikan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Abu Talib mengulas mengenai dakwaan warga Filipina itu yang mendakwa dirogol ketika berada di pusat tahanan sementara sebelum dihantar pulang ke negara asal.

Presiden Filipina, Gloria Arroyo baru-baru ini dilaporkan menghantar surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menyatakan kekesalannya berhubung dakwaan itu.

Berikutan itu, Perdana Menteri memberi jaminan tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pihak yang terbukti melakukan kesalahan itu.

Bukit Aman juga menubuhkan pasukan khas bagi membantu mempercepatkan siasatan berhubung dakwaan gadis Filipina itu.

Pasukan itu yang diketuai Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Khas Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Asisten Komisioner Takbir Ahmad Nazir, akan dihantar ke Sabah dan bekerjasama dengan pasukan khas yang ditubuhkan polis Sabah bagi menyasat kes yang sama.

Sementara itu, Abu Talib berkata, Suhakam difahamkan, semua pendatang Filipina yang ditahan di kem sementara dilayan dengan baik.

"Ini diakui sendiri rombongan kerajaan negara itu (Filipina)," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, Suhakam menghantar cadangan kepada Kementerian Luar berhubung pindaan Akta Suhakam, April lalu, bagi membolehkan suruhanjaya itu melawat pusat tahanan pada bila-bila masa.

"Ketika ini, Suhakam perlu menghantar notis atau surat permohonan untuk meminta kebenaran. Walaupun permohonan kami semua diterima tetapi secara praktiknya, ramai berpendapat Suhakam tidak memerlukan kebenaran seperti itu," katanya.

Beliau berkata, cadangan itu dibuat bagi memastikan Suhakam mempunyai kemudahan melaksanakan peranannya seperti diperuntukkan dalam akta penubuhannya.

"Berbeza negara lain, Malaysia tidak ada mekanisme menghalang pencabulan hak asasi. Apa yang kami lakukan hanyalah memberikan pandangan dan tindakan yang perlu diambil," katanya.

Abu Talib berkata, Suhakam walaupun berpuas hati dengan kemudahan dan layanan yang diberikan kepada penghuni pusat tahanan dan penjara, masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki, terutama kelewatan

perbicaraan.

"Kami pernah menghadapi satu kes yang mana seorang tahanan tua dan buta ditahan di pusat tahanan di Sarawak atas kesalahan membunuh. Tetapi lelaki itu terpaksa menunggu lama (beberapa tahun) untuk dibicarakan.

"Saya tak tahu mengapa mahkamah perlu mengambil masa untuk membicarakan kes lelaki tua berkenaan," katanya.